

29 JUL 1998

AGONG, PM KIRIM UCAPAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN VANUATU

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah mengirinkan perutusan tahniah kepada Presiden Jean-Marie Leye, Vanuatu, sempena Hari Kemerdekaan republik itu esok.

Dalam perutusan itu yang dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini, Tuanku Ja'afar melahirkan keyakinan bahawa hubungan mesra dan kerjasama rapat yang sedia wujud antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengirinkan ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Donald Kalpokas.

Beliau berharap hubungan Malaysia-Vanuatu akan diperkuatkan lagi bagi faedah bersama.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga mengirinkan ucapan tahniah kepada Kalpokas, yang juga Menteri Luar Vanuatu.

-- BERNAMA

RAZ NMO